

SOALAN NO. 92**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN GOBIND SINGH
DEO [PUCHONG]****TARIKH : 1 OGOS 2017****SOALAN :**

YB Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah tindakan Kerajaan sehingga sekarang untuk memansuhkan hukuman gantung sampai mati dan bilangan pesalah yang telahpun dihukum sedemikian sejak 2010 dan seramai mana hukuman tersebut telahpun dilaksanakan.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara telah menjalankan satu kajian bagi meneliti isu undang-undang dan dasar hukuman mati dalam negara kita. Kajian tersebut telah dijalankan melalui International Centre for Law and Legal Studies (I-CeLLS) oleh Jabatan Peguam Negara dengan kerjasama pakar-pakar antarabangsa dalam bidang ini. Laporan kajian tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri.

Jemaah Menteri seterusnya memutuskan supaya Akta Dadah Berbahaya 1952 dikaji semula khususnya bagi memberi ruang budi bicara kepada Hakim dalam menjatuhkan hukuman dengan menetapkan hukuman yang bersesuaian khususnya ke atas kes-kes di mana pesalah sebenarnya lebih wajar hanya dihukum penjara, tetapi mungkin peruntukan yang sedia ada Hakim tiada pilihan selain menjatuhkan hukuman mati.

Hasil kajian tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 1 Mac 2017 di mana Jemaah Menteri telah bersetuju dan memutuskan bahawa pindaan dibuat kepada seksyen 39B, Akta Dadah Berbahaya 1952 dengan memasukkan peruntukan tambahan bagi memberi kuasa budi bicara kepada mahkamah menjatuhkan hukuman selain daripada hukuman mati mandatori dalam keadaan-keadaan tertentu yang ditetapkan bagi kesalahan mengedar dadah di bawah seksyen 39B akta berkenaan.

Justeru itu, Kementerian serta agensi yang berkaitan seterusnya akan menyediakan Memorandum Jemaah Menteri yang baru bersama-sama dengan cadangan pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk pertimbangan dan kelulusan Jemaah Menteri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, terdapat 1174 orang banduan, merangkumi warganegara dan bukan warganegara, yang telah dijatuhi hukuman gantung sampai mati sejak tahun 1992. Selanjutnya, semenjak tahun 2007 pelaksanaan hukuman gantung sampai mati telah dilaksanakan ke atas 30 orang banduan di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (93)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 1 OGOS 2017
[SELASA]

DARIPADA : YB TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]

Soalan :

YB TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY [KOTA KINABALU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peratusan pendapatan dan purata gaji di Bandaraya Kota Kinabalu dari tahun 1997-2017. Apakah sebab gaji di Kota Kinabalu dan Malaysia mendatar sedangkan kos kehidupan semakin meningkat. Apakah tindakan Kerajaan dalam menyelesaikan masalah ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti mana yang dilaporkan menerusi Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, secara keseluruhannya pendapatan isi rumah di Malaysia, khususnya Sabah telah mendapat manfaat daripada pertumbuhan pendapatan. Pendapatan penengah isi rumah keseluruhan Sabah meningkat sebanyak RM1,679, iaitu daripada RM2,066 kepada RM3,745 bagi tahun 2009-2014, dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 12.6% setiap tahun. Manakala bagi pendapatan penengah isi rumah keseluruhan Malaysia pula turut mengalami peningkatan sebanyak RM1,744, iaitu daripada RM2,841 kepada RM4,585, dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 10.0% setiap tahun. Dalam hal ini, golongan isi rumah B40 di Sabah didapati menerima peningkatan pendapatan penengah isi rumah yang paling tinggi pada kadar tahunan sebanyak 14.7%, berbanding dengan golongan T20 dan M40, iaitu masing-masing pada kadar tahunan sebanyak 6.3% dan 11.3%. Selain itu, dari segi perbandingan di antara bandar dan luar bandar di Sabah pula, pekerja luar bandar menerima peningkatan pendapatan isi rumah yang lebih tinggi, iaitu pada kadar tahunan 17.2%, daripada pekerja

bandar di mana kadar peningkatan tahunan pendapatan penengah isi rumah adalah hanya 9.1%. Peningkatan pendapatan bagi golongan B40 dan golongan luar bandar ini adalah hasil positif intervensi Kerajaan yang telah dilaksanakan, antaranya menerusi Perintah Gaji Minimum 2012 dan 2016 serta Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M). Dengan itu, adalah tidak benar gaji di Kota Kinabalu dan Malaysia mendatar, malah melebihi kadar peningkatan kos kehidupan.

Dalam pada masa yang sama, berdasarkan Laporan Penyiasatan Gaji dan Upah (PGU), Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pertumbuhan tahunan gaji penengah Sabah bagi tahun 2010-2016 meningkat sebanyak 8.7%.

Sehubungan itu, untuk menambah baik struktur gaji pekerja di negara ini khususnya kepada pekerja tempatan, beberapa inisiatif telah digariskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas. Blueprint Produktiviti Malaysia juga telah dilancarkan pada 8 Mei 2017 yang lalu turut mengambil pendekatan secara holistik dengan mensasarkan inisiatif untuk membuka potensi produktiviti di peringkat nasional, sektor dan perusahaan. Inisiatif ini akan didorong oleh industri dan perusahaan masing-masing, yang diketuai oleh juara industri. Menerusinya juga, semua sektor ekonomi adalah digalakkan untuk beralih daripada aktiviti

berintensifkan buruh kepada aktiviti berasaskan pengetahuan dan penggunaan automasi bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah. Hasilnya, pekerja tempatan akan menikmati struktur gaji yang lebih baik dan seterusnya mampu melonjakkan tahap produktiviti negara kelak. Ini selari dengan usaha Kerajaan dalam mengurangkan bilangan pekerja asing berkemahiran rendah kepada maksimum 15% daripada jumlah tenaga kerja dan meningkatkan bilangan pekerja mahir di negara ini bagi mencapai sasaran 35% pada tahun 2020.

Dalam pada masa yang sama, Kerajaan turut proaktif dalam mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran tinggi dengan memberi galakan kepada industri untuk beralih kepada rantaian nilai yang lebih tinggi dan meningkatkan profil teknologi dalam operasi mereka yang memerlukan pekerja mahir. Kerajaan juga lebih selektif dalam menarik pelaburan dengan keutamaan kepada aktiviti berintensifkan pengetahuan dan inovasi. Penubuhan Jawatankuasa Kemahiran Industri (JKI) juga merupakan satu platform kerjasama antara pihak Kerajaan dan industri untuk mengenalpasti keperluan modal insan dan jurang kemahiran kritikal agar isu ketidakpadanan dalam pasaran buruh turut dapat ditangani dengan segera.

Di samping itu, pertambahan bilangan pengiktirafan melalui program Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (RPL) dan Akreditasi Pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu (APEL) juga akan turut menyumbang kepada peningkatan gaji pekerja mahir dan pengurangan jurang upah. Berkongsikan matlamat yang sama, pelaksanaan pelbagai program peningkatan kemahiran dan latihan semula (upskilling and reskilling) di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) yang mensasarkan penglibatan para pekerja juga dilihat mampu meningkatkan pengetahuan, kemahiran yang seterusnya dapat meningkatkan pendapatan para pekerja yang terlibat.

Dengan inisiatif-inisiatif yang telah diambil tersebut, matlamat Kerajaan dalam merangsang pertumbuhan ekonomi negara khususnya menerusi peningkatan produktiviti bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan pada masa hadapan akan seterusnya memanfaatkan pekerja-pekerja tempatan kelak.

Sekian, terima kasih.

1 Ogos 2017